

15 MAR 2004

Pilihan raya-Mahathir (Belia)

MAHATHIR: GENERASI MUDA PERLU HAYATI PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Generasi muda kini perlu menghayati perpaduan yang diamalkan oleh pemimpin terdahulu dalam usaha mereka mencapai kemerdekaan negara, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata perpaduan yang diamalkan pada masa itu telah membawa kepada kemajuan yang pesat dalam negara dan kekal hingga ke hari ini sehingga menjadikan negara disegani di seluruh dunia.

"Orang muda perlu kenang dan hayati kejayaan pemimpin kita pada masa itu. Ini memberi makna yang besar untuk kita hayati usaha mereka," kata beliau ketika berucap pada majlis bersama pemimpin di Padang Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru di sini.

Dr Mahathir berkata generasi muda perlu bijak memilih kerajaan yang boleh memberi kemudahan dan membawa kemajuan kepada mereka kerana segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan pilihan ini adalah untuk kebaikan generasi itu.

"Kita patut beri sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana negara kita telah dibangunkan oleh BN," katanya.

Dr Mahathir juga turut menasihati pemimpin yang tidak tercalon dalam pilihan raya umum kali ini supaya memberi sokongan penuh kepada calon yang telah menggantikan tempat mereka.

Beliau berkata pengunduran mereka dari menjadi calon tidak bermakna kerjaya politik mereka berakhir, dan mereka perlu meneruskan memberi kerjasama dan sumbangan dalam membantu jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN).

"Dulu kita dapat sokongan orang, kini kita pula sokong orang," katanya.

Beliau berkata dengan adanya semangat seperti ini di kalangan anggota parti komponen BN yang digugurkan daripada bertanding dalam pilihan raya umum ini, tidak mustahil untuk BN menang besar pada pilihan raya umum 21 Mac ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi BN Wilayah Persekutuan Tengku Adnan Tengku Mansor, Ketua Penyelaras Umno Bahagian Titiwangsa Datuk Sulaiman Mohamad dan calon BN untuk kerusi Parlimen Titiwangsa Datuk Astaman Abdul Aziz.

-- BERNAMA

ZUZ HK NHD